

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[JERANTUT]**

**TARIKH : 10 JULAI 2019**

**SOALAN**

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menaik taraf skim perkhidmatan Pembantu Hal Ehwal Islam (HEI) dan Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) daripada skim S19 kepada skim yang lebih tinggi bersesuaian dengan beban tugas dan situasi semasa yang semakin mencabar.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap kemaslahatan rakyat dan kesejahteraan penjawat awam/ swasta termasuklah meneliti skim perkhidmatan dan beban tugas penjawat awam, termasuk perjawatan PMOA dari semasa ke semasa. Pada masa ini, Kerajaan sedang mengkaji pemberian insentif kepada PMOA yang bertugas di pedalaman. Dan sememangnya kita sentiasa menekuni, meneliti dan membuat kajian dari semua aspek dan sudut terutama dari aspek beban tugas PMOA, dan mengambil kira setiap cadangan, agar kedudukan dan jawatan mereka di masa akan datang tetap terjamin. Sekian, terima kasih.